EDISI 07
AKIDAH
١٤٣٩ هـ
2017 M

Al Ilmu
Berilmu sebelum berkata & beramal
TERBIT SETIAP JUM'AT
Website: http//buletin-alilmu.net



www.thoriqussalaf.com
http://telegram.me/thoriqussalaf

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

Nabi Isa dan Peringatan Hari Krismas

*Nabi Isa bin Maryam عليه السلام adalah salah seorang Nabi dan Rasul yang mulia. Baginda termasuk salah seorang di antara para Rasul Ulul Azmi. Beriman kepada Nabi Isa bin Maryam termasuk dari iman **kepada para Rasul** yang merupakan salah satu rukun iman. Di dalam al-Qur'an al-Karim kisah Nabi Isa عليه السلام disebutkan di beberapa tempat. Dengan penyebutan kisah yang tepat, adil, jujur dan ilmiah.*

Allah تعالى berfirman tentang kelahiran Nabi Isa عليه السلام (ertinya), "*Maka Maryam membawa anak itu kepada kaumnya dengan menggendongnya.*"

Kaumnya berkata, "*Wahai Maryam, sesungguhnya kamu telah melakukan sesuatu yang amat mungkar. Wahai saudara perempuan Harun (Maryam), ayahmu sekali-kali bukanlah seorang yang jahat dan ibumu sekali-kali bukanlah seorang penzina.*"

Maka Maryam menunjuk kepada anaknya. Mereka berkata, "*Bagaimana kami akan berbicara dengan anak kecil yang masih di dalam buaian?*"

Isa berkata, ***"Sesungguhnya aku ini hamba Allah. Dia memberiku al-Kitab (Injil) dan Dia menjadikan aku seorang Nabi.** Dia menjadikan aku seorang yang diberkati di mana saja aku berada dan Dia memerintahkan kepadaku (mendirikan) solat dan (menunaikan) zakat selama aku hidup, (Allah juga memerintahkanku untuk) berbakti kepada ibuku dan Dia tidak menjadikan aku seorang yang sombong lagi celaka. Kesejahteraan semoga dilimpahkan kepadaku, pada hari aku dilahirkan, pada hari aku meninggal dan pada hari aku dibangkitkan hidup kembali.*"

Itulah Isa putera Maryam, yang mengatakan perkataan yang benar, yang mereka berbantah-bantahan tentang kebenarannya. Tidak layak bagi Allah mempunyai anak, Maha suci Dia. Apabila Dia telah menetapkan sesuatu, maka Dia hanya berkata kepadanya,"Jadilah", maka jadilah ia.

(Isa berkata), ***"Sesungguhnya Allah adalah Rabbku (Tuhanku) dan Rabb (Tuhan) kalian, maka beribadahlah kalian kepadaNya. Ini adalah jalan yang lurus."*** (**Maryam** : 36-27)

Dalam ayat lainnya, Allah تعالى juga berfirman,

﴿ يَٰٓأَهْلَ ٱلْكِتَٰبِ لَا تَغْلُوا۟ فِى

دِينِكُمْ وَلَا تَقُولُوا۟ عَلَى ٱللَّهِ إِلَّا ٱلْحَقَّ ۚ
إِنَّمَا ٱلْمَسِيحُ عِيسَى ٱبْنُ مَرْيَمَ رَسُولُ ٱللَّهِ
وَكَلِمَتُهُۥٓ أَلْقَىٰهَآ إِلَىٰ مَرْيَمَ وَرُوحٌ مِّنْهُ ۖ
فَـَٔامِنُوا۟ بِٱللَّهِ وَرُسُلِهِۦ ۖ وَلَا تَقُولُوا۟ ثَلَٰثَةٌ ۚ ٱنتَهُوا۟
خَيْرًا لَّكُمْ ۚ إِنَّمَا ٱللَّهُ إِلَٰهٌ وَٰحِدٌ ۖ سُبْحَٰنَهُۥٓ
أَن يَكُونَ لَهُۥ وَلَدٌ ۘ لَّهُۥ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا
فِى ٱلْأَرْضِ ۗ وَكَفَىٰ بِٱللَّهِ وَكِيلًا ﴿١٧١﴾

“Wahai Ahli Kitab (Yahudi dan Nashara), janganlah kalian melampaui batas (ekstrim/berlebihan) dalam agama kalian. Janganlah kalian mengatakan terhadap Allah kecuali yang benar. Sesungguhnya al-Masih, Isa putera Maryam itu, adalah Rasulullah dan (yang diciptakan dengan) kalimatNya yang disampaikanNya kepada Maryam dan (dengan tiupan) ruh dari-(ciptaan) Nya. Maka berimanlah kalian kepada Allah dan Rasul-RasulNya dan janganlah kamu mengatakan, "(Tuhan itu) tiga", berhentilah (dari ucapan itu). (Itu) lebih baik bagimu. Sesungguhnya Allah adalah ilah yang Esa (iaini satu-satuNya yang berhak diibadahi). Maha suci Allah dari mempunyai anak, segala yang di langit dan di bumi adalah kepunyaanNya. cukuplah Allah sebagai Pemelihara.” (**an-Nisa**: 171)

Pembaca yang budiman, sesungguhnya tidak boleh meyakini bahawa Isa adalah anak Allah, atau Isa adalah Tuhan Anak, atau Isa adalah satu dari yang tiga.

Mengapa demikian?

Kerana Nabi Isa عليه السلام adalah hamba Allah. Maka jangan menyembahnya, atau meyakininya sebagai anak Allah, atau satu dari yang tiga. Bahkan Nabi Isa عليه السلام sendiri memerintahkan untuk beribadah kepada Allah satu-satunya.

Prinsip iman yang seperti inilah yang akan membawa kepada Syurga. Nabi Muhammad ﷺ bersabda, *“Barangsiapa bersaksi bahawa tidak ada yang berhak diibadahi kecuali Allah satu-satunya tiada sekutu bagiNya, dan (bersaksi) bahawa Muhammad adalah hamba dan RasulNya, dan (bersaksi) bahawa Isa adalah hamba Allah dan RasulNya, dan kalimatNya yang disampaikanNya kepada Maryam dan (dengan tiupan) ruh dari (ciptaan)Nya. Juga (bersaksi) bahawa al-Jannah (Syurga) dan Neraka adalah haq, maka Allah akan memasukkan dia ke dalam Syurga dalam keadaan bagaimana pun amalnya.”* (HR. **al-Bukhari** 3435, **Muslim** 28, dari sahabat 'Ubadah bin ash-Shamit رضي الله عنه)

Para pembaca sekalian, perlu kita renungkan dengan baik, bahawa Allah yang telah mengutus Nabi Muhammad ﷻ, Dialah juga yang mengutus Nabi Isa عليه السلام. Allah yang telah menurunkan al-Qur'an, Allah jugalah yang telah menurunkan Injil yang asli (sebelum terjadi perubahan).

Maka berita dari Allah ﷻ tentang Nabi Isa dalam al-Qur'an tidak mungkin bertentangan dengan berita dalam Injil.

Prinsip agama para Rasul adalah sama, iaitu memerintahkan untuk beribadah kepada Allah semata dan melarang dari beribadah kepada siapapun/apapun selain Allah.

Maka tidak akan mungkin Nabi Isa mengajarkan kepada kaumnya untuk

beribadah atau menyembah dirinya, atau menuhankan dirinya. Allah telah memberitakan bahawa Nabi Isa عليه السلام telah menegaskan kepada umatnya,

﴿ إِنَّ ٱللَّهَ رَبِّى وَرَبُّكُمْ فَٱعْبُدُوهُ ۗ هَٰذَا صِرَٰطٌ مُّسْتَقِيمٌ ۝٥١ ﴾

"Sesungguhnya Allah adalah Rabb-ku (Tuhanku) dan Rabb (Tuhan) kalian, kerana itu beribadahlah kepadaNya. Inilah jalan yang lurus." (**Ali Imran**: 51)

Dilarang Turut Merayakan Hari Krismas

Jika demikian prinsip keimanan tentang Nabi Isa عليه السلام, maka seorang muslim tidak boleh terikut-ikut merayakan Hari Krismas.

Hari Krismas merupakan hari raya umat Kristian, memperingati hari kelahiran Jesus Christ (iaini Nabi Isa عليه السلام) yang mereka yakini sebagai Tuhan atau Anak Tuhan. Maka jelas ini bertentangan dengan prinsip keimanan seorang mukmin.

Tidak boleh seorang mukmin ikut merayakan perayaan Hari Krismas. Tidak boleh pula dia mengucapkan selamat Hari Krismas. Kerana perayaan Hari Krismas jelas-jelas bertentangan dengan keimanannya, bagaimana seorang muslim akan mengucapkan selamat terhadapnya?

Demikian pula tidak boleh saling tukar menukar hadiah dalam rangka Hari Krismas. Tidak boleh pula menjual sesuatu untuk keperluan Hari Krismas. Kerana Hari Krismas termasuk dari ritual ibadah hari raya umat Kristian.

Al-Imam adz-Dzahabi (wafat tahun 748 H) رحمه الله mengatakan, "Apabila Nashara (Kristian) memiliki hari raya, Yahudi juga memiliki hari raya, yang itu hari khusus (agama) mereka, maka tidak boleh seorang muslim ikut merayakannya." (**Tasyabbuh al-Khasis**, hal. 27)

Beliau رحمه الله juga mengatakan, "Seharusnya atas setiap muslim untuk menjauhi hari raya mereka (Yahudi, Nashara, dll). Wajib atasnya untuk melindungi diri, isteri dan anak-anaknya dari hari raya tersebut, jika memang dia beriman kepada Allah dan hari Akhir." (**Tasyabbuh al-Khasis**, hal. 32)

Perayaan Hari Krismas biasanya berangkai dengan perayaan Tahun Baru Masihi. Maka berhati-hatilah wahai saudaraku seIslam, janganlah anda mengikuti perayaan Hari Krismas ataupun Tahun Baru Masihi.

Islam Agama Toleransi Bukan Agama Intoleransi

Keyakinan kaum muslimin tidak boleh ikut merayakan Hari Krismas dan dilarang mengucapkan selamat Hari Krismas tidaklah bertentangan dengan prinsip toleransi. Sikap ini bukan sikap yang intoleransi.

Islam adalah agama yang paling sempurna, agama yang paling indah dan membawa rahmatan lil alamin. Islam bukan agama yang mengajarkan sikap ekstrim dan radikal. Islam terdepan dalam mengajarkan toleransi.

Islam melarang melakukan kekerasan, anarkis (kekacauan) dan kezaliman walaupun kepada orang yang berbeza agama dengannya. Namun ini tidak bererti kemudian boleh ikut merayakan hari raya agama lain. Apalagi

sampai datang ke Gereja dan bergambar bersama atau bahkan berceramah di Gereja. *Astaghfirullah*. Semestinya seorang muslim tidak berbuat demikian.

Apabila ada jiran bukan muslim yang sakit, maka seorang muslim boleh menghantarkannya berubat ke doktor atau Hospital. Namun tidak bererti ketika bukan muslim itu hendak ke Gereja juga boleh untuk dihantar oleh seorang muslim.

Asy-Syaikh Abdul Aziz bin Baz رحمه الله (Ketua Rabithah Alam Islamy, wafat tahun 1420 H/1999 M) menjelaskan, "Sesungguhnya kewajiban seorang muslim terhadap bukan muslim banyak:

Pertama, mendakwahkannya (mengajaknya) ke jalan agama Allah. Menjelaskan kepadanya hakikat Islam, sesuai dengan kapasiti ilmunya. Ini merupakan bentuk perbuatan baik yang terbesar ...

Kedua, tidak boleh menzaliminya, baik diri atau jiwanya, hartanya, mahupun kehormatannya. Apabila dia seorang bukan muslim yang berstatus Dzimmi (dalam jaminan negara Islam), Musta'man (diberi perlindungan keamanan oleh negara Islam) atau Mu'ahad (dalam ikatan perjanjian dengan negara Islam), maka wajib ditunaikan hak-haknya. Tidak boleh dizalimi pada hartanya, baik dalam bentuk pencurian, khianat ataupun tipu daya. Tidak boleh juga dizalimi pada badannya, baik dengan cara dipukul atau dibunuh. Kerana status dia sebagai Mu'ahad, Dzimmi atau Musta'man menyebabkan dia terjaga atau terlindungi.

Ketiga, tidak mengapa bermuamalah dengannya dalam bentuk jual beli, perdagangan, dan semisalnya. Terdapat riwayat yang sah dari Rasulullah ﷺ bahawa baginda membeli sesuatu dari orang kafir penyembah berhala atau membeli dari seorang kafir Yahudi. Bahkan Nabi ﷺ wafat dalam keadaan baju besi baginda tergadaikan kepada seorang Yahudi.

Keempat, tidak boleh memulai mengucapkan salam. Namun boleh membalas kalau bukan muslim tersebut memulai salam, iaitu dengan ucapan "*wa'alaikum*" saja.

Termasuk dalam hal ini juga berjiran dengan baik. Apabila orang bukan muslim tersebut sebagai jiranmu, maka berbuat baiklah terhadapnya, jangan mengganggu atau menyakitinya. Kalau dia seorang yang fakir, maka bersedekahlah kepadanya, boleh juga kamu berikan hadiah padanya. Nasihatilah dia dengan sesuatu yang bermanfaat untuknya, kerana itu akan menyebabkan dia perhatian dan tertarik kepada Islam dan masuk Islam. ... adapun terkait dengan perayaan hari raya bukan muslim (Krismas, dll) **maka seorang muslim tidak boleh ikut serta merayakannya."** (**Fatawa Nur 'ala ad-Darb** I/374-372, diterjemahkan dengan diringkas)

Penulis: Ustadz Abu Amr Alfian حفظه الله

Simpanlah buletin ini dengan baik karena didalamnya terdapat ayat al-Qur'an dan hadits Rasulullah ﷺ

INFO HUBUNGI: 085 330 724 419

Diterbitkan oleh: *Buletin Dakwah AL-ILMU - Jember* | Pemimpin Redaksi: *Al-Ustadz Abu 'Ammar Yasir*
Pemimpin usaha: *Firman* | Alamat Redaksi: *Jl. W. Monginsidi V no. 99 Sumbersalak, Kranjingan, Jember - Jawa Timur (68123)*

Kritik dan Saran (harap menyertakan identitas) SMS/WA ke: **085 336 036 882**

Pemesanan min. 50 lembar



Turut menyebarkan:
مجموعة طريق السلف
www.thoriqussalaf.com
http://telegram.me/thoriqussalaf